

ورتا فنرشن Warta Penerangan



FEBRUARI 2017





Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
Daripada
**Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.**



Terbitan Unit Penerbitan Melayu
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak
Unit Penerbitan Melayu

Rekaletak
Unit Seni Grafik

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.


Isi Kandungan

Poster Terbitan Jabatan Penerangan	5
Warga Jabatan Penerangan Sertai Hari Kebangsaan Ke-33 Tahun 2017	5
Pengagihan bendera kecil semai semangat patriotisme	6
Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik Antara Mukim-Mukim Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun 2017	7-10
Pastikan anak bangsa bergerak sihat	11-12
Sebalik Tabir Pembuatan Klip Video Semarak Pengibaran Bendera	12
Sertai Pesta Buku Brunei 2017	13
Kukuhkan semangat patriotisme pelajar	13-14
Hayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan	14
Hayati dan hormati Lagu Kebangsaan	15
Semai semangat patriotisme penuntut	15-16
Hapuskan bendera negara dengan betul	16-17
Peristiwa Penting Jabatan Penerangan	17
Pedoman	17
Pembarigaan mengenai ASEAN dikongsikan	18
Barigakan bendera negara	19
Semai semangat patriotisme penuntut	20
Taklimat kenegaraan semai semangat patriotisme	21
Semai semangat patriotisme penuntut	22
Penerima Pingat Indah Kerja Baik	22
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini	22-23

Muka

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Poster Terbitan Jabatan Penerangan



Warga Jabatan Penerangan Sertai Hari Kebangsaan Ke-33, Tahun 2017

BAGI sama-sama memeriahkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan juga terlibat dalam upacara perbarisan lalu dan persembahan padang yang diadakan di Taman Sir Muda Haji Omar ‘Ali Saifuddien. Walaupun hujan pada ketika itu tetapi semangat cintakan negara, raja, bangsa dan agama terus berkobar dalam diri mereka.



Pengagihan bendera kecil semai semangat patriotisme

Foto : Hernie Suliana Haji Othman / Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

MAJLIS Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera yang mana pada tahun-tahun sebelumnya diadakan secara berasingan di bawah kelolaan Jabatan Penerangan dan kini program berkenaan dijadikan sebagai salah satu acara utama Sambutan Hari Kebangsaan di bawah penyelenggaraan jawatankuasa tertinggi.

Majlis tersebut bagi Pelajar-Pelajar Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Sekolah Arab/Ugama berlangsung serentak di keempat-empat daerah di negara ini sebaik sahaja bendera besar dikibarkan di ibu negara.

Pada hari Khamis, 16 Februari majlis diadakan di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar. Sementara itu pada hari yang sama, majlis yang serupa juga diadakan di Dewan Serbaguna, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah. Bagi Daerah Tutong, majlis diadakan di Sekolah Rendah Keriam dan bagi Daerah Belait majlis diadakan di Sekolah St. Margaret, Seria.

Majlis diserikan dengan tayangan Video Semarak Pengibaran Bendera dan Video Animasi Tatacara Menaikkan Bendera Negara terbitan Jabatan Penerangan. Video tersebut juga boleh dilayari di facebook dan instagram Jabatan Penerangan.



TETAMU Kehormat pada majlis yang berlangsung di Daerah Temburong ialah Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar. Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad juga hadir pada majlis tersebut.



ANTARA pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang turut hadir sama-sama memeriahkan majlis tersebut.



BAGI Daerah Brunei dan Muara, hadir selaku tetamu kehormat majlis, ialah Setiausaha Tetap (Undang-Undang dan Kesejahteraan) Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Mohd Juanda bin Haji A.Rashid. Juga hadir pada majlis tersebut ialah para Pegawai Penerangan.



MURID-murid Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah Perpindahan Berakas (sesi petang) semasa mengibarkan bendera kecil pada majlis tersebut.



BAGI Daerah Belait, hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) di Kementerian Pembangunan, Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah.



BAGI Daerah Tutong, majlis berlangsung di Sekolah Rendah Keriam yang dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin selaku tetamu kehormat.

Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik Antara Mukim-Mukim Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun 2017

Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Hernie Suliana Haji Othman



PEMANGKU Pengurus Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Awang Haji Ali bin Haji Matyassin hadir selaku tetamu kehormat pada Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik di antara Mukim-Mukim sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun.



PERSEMPAHAN khas dari Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar dengan tajuk lagu 'Generasi Berwawasan'.

BAGI Daerah Brunei dan Muara, Kumpulan Gema Suara Merdeka dari Mukim Sengkurong dengan lagu 'Brunei Bumi Bertuah' muncul johan.

Naib johan disandang oleh Kumpulan Pemata Nilam dari Mukim Berakas 'A' dengan lagu 'Purih Bangsa', manakala Kumpulan Koir Berakas 'B' yang membawa lagu 'Tanah Airku' mendapat tempat ketiga.

Sebanyak tujuh kumpulan menyertai pertandingan yang berlangsung di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan pada hari Isnin, 6 Februari.



KUMPULAN Demas salah sebuah kumpulan yang bertanding,

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengurus Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Awang Haji Ali bin Matyassin.



PEMANGKU Pengurus Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Awang Haji Ali bin Matyassin, selaku tetamu kehormat bergambar ramai bersama pemenang-pemenang Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik.

Daerah Belait

Berita dan Foto: Noraisah Muhammed



JOHAN pertandingan Kumpulan Koir Wardah, Mukim Belait dengan tajuk lagu ‘Tanah Airku’ dan berjaya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND1,500.00 dan sijil penyertaan.

JABATAN Penerangan akan terus merangka berbagai strategi untuk sama-sama membarangkakan hari-hari kebesaran negara dan akan terus mananam semangat patriotik bagi semua peringkat masyarakat.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan dengan kerjasama Jabatan Daerah Belait telah menganjurkan Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik Antara Mukim-Mukim Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun 2017 yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan, Kampung Pandan, Daerah Belait, pada hari Selasa, 7 Februari.



PEMENANG ketiga disandang oleh Kumpulan Koir Putera Puteri Jefri Bolkiah dengan tajuk lagu ‘Brunei Bumi Bertuah’ yang membawa pulang wang tunai BND1,000.00 dan sijil penyertaan.



NAIB JOHAN disandang oleh Kumpulan Koir Esjayes, Mukim Kuala Belait yang membawa wang tunai BND1,300.00 dan sijil penyertaan.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman yang juga menyampaikan hadiah kepada peserta pertandingan.

Pada pertandingan itu, Kumpulan Koir Wardah, Mukim Belait dengan tajuk lagu ‘Tanah Airku’ muncul juara dan berjaya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND1,500 dan sijil penyertaan.

Naib johan disandang oleh Kumpulan Koir Esjayes, Mukim Kuala Belait, yang membawa wang tunai BND1,300 dan sijil penyertaan, sementara pemenang ketiga disandang oleh Kumpulan Koir Putera Puteri Jefri Bolkiah dengan tajuk lagu ‘Brunei Bumi Bertuah’ yang membawa pulang wang tunai BND1,000 dan sijil penyertaan.

Manakala tiga kumpulan pemenang hadiah saguhati masing-masing membawa pulang wang tunai bernilai BND500 berserta sijil penyertaan.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, selaku Penghulu Mukim Liang dan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, selaku Ketua Kampung Labi I.



KUMPULAN Majlis Perundungan Mukim Liang dengan tajuk lagu ‘Tekad Kemerdekaan’ membawa pulang hadiah saguhati bernilai BND500.00 berserta sijil penyertaan.

Daerah Tutong

Oleh : Dk Vivy Malessa Pg Ibrahim
Foto : Dk Nur Hafilah Pg Osman

JABATAN Penerangan dengan kerjasama Jabatan Daerah Tutong menganjurkan Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik Antara Mukim-Mukim Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun 2017 yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong pada hari Rabu, 8 Februari.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain yang juga menyampaikan hadiah kepada peserta pertandingan.

Juga hadir, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong dan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit; Awang Haji Haizul Rizal bin Haji Yahya selaku Pengurus Bersama; pegawai-pegawai kanan kerajaan; Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung Daerah Tutong.


Pada pertandingan itu, Kumpulan Koir Telisai Harmonic dari Mukim Telisai dengan lagu medley ‘Tekad Pewaris / Sumpah dan Janji’ muncul juara dan berjaya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND1,500 dan sijil penyertaan.



HADIR selaku tetamu kehormat, Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain.

Naib johan disandang oleh Kumpulan Koir Wira Bangsa, Mukim Pekan Tutong dengan lagu ‘Sedia Berkhidmat’ yang membawa wang tunai BND1,300 dan sijil penyertaan, sementara pemenang ketiga disandang oleh Kumpulan Koir Firqah Khairul Mu'minin, Mukim Kiudang dengan lagu ‘Misi Merdeka’ yang membawa pulang wang tunai BND1,000 dan sijil penyertaan.

Manakala tiga kumpulan pemenang hadiah sagu hati masing-masing membawa pulang wang tunai bernilai BND500 berserta sijil penyertaan.



JOHAN pertandingan koir dimenangi oleh Kumpulan Telisai Harmonics dari Mukim Telisai.



NAIB JOHAN pertandingan koir dimenangi oleh Kumpulan Wira Bangsa dari Mukim Pekan Tutong.



KUMPULAN Firqah Khairul Mu'minin dari Mukim Kiudang memenangi tempat ketiga.

Daerah Temburong

**Oleh : Ampuan Roza Amalyati binti Ampuan Hussain
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

PERTANDINGAN Koir Lagu-Lagu Patriotik Antara Mukim-Mukim Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun 2017 diteruskan lagi pada hari Sabtu, 11 Februari yang berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad yang juga menyampaikan hadiah kepada peserta pertandingan.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu; pegawai-pegawai kanan kerajaan; Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung Daerah Temburong.

Pada pertandingan itu, Kumpulan Koir Citra Alunan dari Mukim Bangar dengan lagu ‘Bendera Negara’ muncul juara dan naib juara disandang oleh Kumpulan Koir Seri Labu mewakili Mukim Labu dengan lagu ‘Tekad Kemerdekaan’ serta pemenang ketiga disandang oleh Kumpulan Nurmubok mewakili Mukim Bokok dengan lagu ‘Berkibarlah Bendera’.

Manakala dua kumpulan lagi iaitu Kumpulan Mukim Batu Apoi wakil Mukim Batu Apoi dan Kumpulan Nur Islam mewakili Mukim Amo masing-masing mendapat hadiah sagu hati.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik Antara Mukim-Mukim Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun 2017 bagi Daerah Temburong.



NAIB johan disandang oleh Kumpulan Koir Seri Labu.



KUMPULAN Koir Nurmubok, Mukim Bokok meraih tempat ketiga pada pertandingan tersebut.



TETAMU kehormat, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bergambar bersama johan Pertandingan Koir yang disandang oleh Kumpulan Koir Citra Alunan dari Mukim Bangar.

Pastikan anak bangsa bergerak sihat

Berita dan Foto : Haji Ariffin bin Mohamad Noor / Morshidi



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar semasa hadir selaku tetamu kehormat di Program Awasi Anak Kitani bagi Mukim Saba, Mukim Peramu dan Mukim Burong Pingai Ayer.

MUKIM SUNGAI KEBUN, Sabtu, 18 Februari. - Dalam usaha menyebarkan maklumat semasa dan memastikan anak-anak bangsa terus bergerak sihat dan cergas selaras dengan pembangunan negara, Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat meneruskan Program Awasi Anak Kitani yang diadakan di Dewan Masjid Al-Muhtadee Billah Sungai Kebun, Kampung Sungai Kebun, di sini.

Program yang diadakan dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Pejabat Peguam Negara dan Jawatankuasa Takmir Masjid Al-Muhtadee Billah Sungai Kebun kali ini adalah bagi rakyat dan penduduk yang bermastautin di Mukim Peramu, Mukim Saba dan Mukim Burong Pinggi Ayer di Daerah Brunei dan Muara dengan keramaian 200 orang peserta.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.



PEMANGKU Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Hajah Rabi'atul Adawiyah binti Haji A. Ahmad selaku Pengurus Majlis program tersebut semasa menyampaikan ucapan alu-aluananya.



TAKLIMAT disampaikan oleh Penolong Pegawai Narkotik, Biro Kawalan Narkotik, Awang Haji Md. Eddy Halizannurullah bin Haji Md. Zain.



PEGAWAI Undang-Undang, Awang Ratno Eddy Sophian bin Haji Zaidi mewakili Pejabat Peguam Negara menyampaikan taklimat bertajuk 'Jenayah Siber'.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatiha diikuti dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Pegawai Masjid berkenaan, Awang Mohammad Hasnal bin Haji Mohammad.

Dalam ucapan alu-aluan Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Hajah Rabi'atul Adawiyah binti Haji A. Ahmad selaku Pengurus Majlis tersebut menegaskan, atas dasar tanggungjawab Jabatan Penerangan sama-sama turun padang bagi membantu kerajaan dalam sama-sama membanteras gejala yang dipandang serius dan kesannya terhadap negara.

Taklimat pertama telah disampaikan oleh wakil daripada Biro Kawalan Narkotik iaitu Penolong Pegawai Narkotik, Awang Haji Md Eddey Halizannurullah bin Haji Md Zain yang memperjelaskan mengenai jenis-jenis dadah dan hukuman yang boleh dikenakan termasuk denda bagi setiap kesalahan.

Sementara itu, pegawai daripada Jabatan Keselamatan Dalam Negeri turut mengongsikan isu-isu keselamatan di bawah pemantauan jabatan tersebut yang berupa ancaman-ancaman pengganasan, ekstremis agama, subversif, sabotaj, penyuluhan dan perkauman menerusi taklimat dan tayangan video.

Manakala taklimat ketiga dan terakhir disampaikan daripada Pejabat Peguam Negara yang menyentuh mengenai Jenayah Siber yang disampaikan oleh Pegawai Undang-Undang, Awang Ratno Eddy Sophian bin Haji Zaidi.

Dalam taklimat, beliau menyentuh mengenai risiko dan bahaya penggunaan media sosial jika tidak ditangani dengan betul dan beretika.

Pada akhir program berkenaan para peserta berpeluang menyaksikan pameran statik yang dibawakan oleh Jabatan Penerangan, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri serta pameran daripada Jawatankuasa Takmir Masjid berkenaan.

Antara yang hadir di majlis berkenaan ialah Penghulu Mukim Peramu, Pengarah Dato Paduka Haji Ismit bin Pengarah Mukim Haji Naim; Pemangku Penghulu Mukim Saba, Awang Haji Mayalin bin Haji Saat; Pemangku Penghulu Mukim Burong Pingai Ayer, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Chuchu dan Ketua Imam Pengiran Mohd Amiruddin bin Pengiran Haji Tejuddin selaku Pengerusi Takmir Masjid Al-Muhtadee Billah Kampung Sungai Kebun.



ANTARA yang hadir pada program tersebut.

SALAH seorang penduduk kampung ketika mengajukan soalan.

Sebalik Tabir Pembuatan Klip Video Semarak Pengibaran Bendera



Sertai Pesta Buku Brunei 2017

JABATAN Penerangan turut serta dalam Pesta Buku Brunei 2017 yang berlangsung selama sepuluh hari bermula 26 Februari hingga 7 Mac 2017. Salah satu objektif penyertaan jabatan adalah untuk memperkenalkan buku-buku hasil keluaran Jabatan Penerangan kepada orang ramai.



Kukuhkan semangat patriotisme pelajar

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamis / Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



PEGAWAI Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya semasa menyampaikan taklimatnya menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah lagu kebangsaan negara ‘Allah Peliharakan Sultan’.



SEBAHAGIAN daripada belia-belia yang menghadiri Program Belia Cinta Tanah Air Ke-12 Tahun 2017 di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan (atas, bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Februari. - Sebagai usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme serta menghormati dan menjawai lagu kebangsaan, Program Belia Cinta Tanah Air Ke-2 Tahun 2017 diteruskan lagi melalui taklimat di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya yang menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah lagu kebangsaan negara ‘Allah Peliharakan Sultan’.

Pada taklimat tersebut, beliau menjelaskan lebih lanjut mengenai definisi bendera, peranan dan sejarah bendera dan lagu kebangsaan.

Selepas taklimat, para pelajar juga berpeluang menyaksikan tayangan video klip 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan menyertai Kuiz Kenegaraan.

Bendera merupakan lambang identiti sesebuah negara dan sesuatu bangsa, ia juga menjadi lambang kesepakatan dan perpaduan yang mempunyai kemuliaan, keagungan dan martabatnya yang tersendiri yang perlu mendapat pengiktirafan dan penghormatan oleh setiap bangsa dan negara di dunia.

Hayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

MUKIM PENGKALAN BATU, Sabtu, 11 Februari. Seramai 145 penuntut Tahun 7 dan tenaga pengajar Sekolah Menengah Masin menghadiri Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan’ yang diadakan di Dewan Sekolah Menengah Masin.

Taklimat berkenaan merupakan program yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Penerangan bagi sekolah-sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi seluruh negara 2017.



PEGAWAI Penerangan, Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid semasa membarigakan tatacara menaikkibarkan Bendera Negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' kepada Penuntut- Penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Masin.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Timbalan Pengetua Sekolah Menengah Masin, Dayang Shahidah binti Haji Sharbini.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid.



PENUNTUT-penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Masin dengan penuh perhatian mendengarkan taklimat tersebut (atas, bawah).



Hayati dan hormati Lagu Kebangsaan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid / Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Februari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan siri Program Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’ di Dewan Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Program berkenaan disasarkan kepada 80 pelajar Tahun 7, Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang juga dihadiri oleh Pengetua sekolah berkenaan, Dayang Chong Li Chen serta tenaga-tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Antara atur cara program tersebut termasuk nyanyian Lagu Kebangsaan ‘Allah Peliharakan Sultan’ dan lagu patriotik ‘Bendera Negara’, diikuti Taklimat Kenegaraan ‘Mengahayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan’ yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Unit Hubungan Masyarakat, Awang Muhammad Khairulhadi bin Haji Muhammad Muhtaddir dan diteruskan dengan tayangan video klip mengenai ‘Bendera Negara’ disusuli dengan Sesi Kuiz Kenegaraan.



PEGAWAI Penerangan, Awang Muhammad Khairulhadi bin Haji Muhammad Muhtaddir semasa membarigakar mengenai Mengahayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Kebangsaan Lama Berakas.



PELAJAR-PELAJAR Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang hadir mendengarkan taklimat berkenaan.



Semai semangat patriotisme penuntut

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Selasa, 21 Februari. - Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait telah mengadakan Taklimat Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Dewan Sekolah St. Margaret, Seria.

Seramai 64 penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan telah berpeluang mendengarkan taklimat dan menyaksikan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' diikuti dengan Kuiz Kenegaraan yang diungkayahkan oleh Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris juga selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait yang antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’ dengan terperinci.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang telah berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan dan diselajurkan dengan penyampaian cenderamata.



TAKLIMAT disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris, Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait.



SALAH seorang penuntut cuba menjawab soalan kuiz yang diajukan.



SEBAHAGIAN para pelajar sekolah yang hadir di majlis tersebut.

Hapuskan bendera negara dengan betul

Oleh : Marlinawaty Hussin / Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Februari. - Lebih 350 penuntut Tahun 7 dari Sekolah Menengah Arab Perempuan Katok (SMAPK) telah menghadiri Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’ bertempat di surau sekolah berkenaan.

Taklimat yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan itu disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayangku Nasibahanim binti Pengiran Haji Bakar.

Beliau, dalam taklimatnya, antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera dan sejarah lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’.

Beliau turut menjelaskan mengenai cara-cara penghapusan bendera Negara Brunei Darussalam dengan betul, yang mana ia hendaklah dihapuskan dengan cara dibakar dan abunya dibuang ke laut atau ditanam ke dalam tanah.



TAKLIMAT disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayangku Nasibahanim binti Pengiran Haji Bakar.

Sementara itu, ujar beliau, bagi penghapusan alat-alat pecah belah yang mengandungi Panji-Panji Kerajaan, ia hendaklah dipecahkan atau dihancurkan dan dibuang ke laut atau ditanam ke dalam tanah.

Sebelum taklimat berakhir, para penuntut berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan.



PARA penuntut Tahun 7 dari Sekolah Menengah Arab Perempuan Katok menghadiri Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara'.



PEGAWAI dari Jabatan Penerangan mengajukan soalan mengenai Taklimat Kenegaraan kepada salah seorang peserta kuiz.



TIMBALAN Pengetua Pentadbiran Sekolah, Dayang Hajah Rosnah binti Haji Mataha menyampaikan hadiah kepada pemenang kuiz.

Peristiwa Penting Jabatan Penerangan

PELITA Brunei merupakan sebuah akhbar rasmi kerajaan yang mula diterbitkan buat pertama kalinya pada 15 Februari 1956.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali' Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan dan merupakan Sultan Brunei Yang Ke-28 pada ketika itu ada mengurniakan titah.

Antara lain titah baginda menekankan bahawa penerbitan Pelita Brunei adalah merupakan satu daripada usaha-usaha perkhidmatan kerajaan dalam memberi penerangan kepada orang ramai dan baginda berharap supaya Pelita Brunei akan berkekalan maju dan menjadi suatu kegunaan yang sangat besar serta dihargai oleh pembaca di negara ini.



SERUAH akhbar rasmi kerajaan yang bernama PELITA BRUNEI buat pertama kali telah diterbitkan pada 15 Februari 1956. Dalam keluaran sulungnya, Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan negara ini yang waktu itu menjadi Sultan Brunei yang ke-28 telah berkenan menganggerahkan titah alu-aluan Baginda dalam akhbar tersebut.

Antara lain titah Baginda itu menekankan bahawa penerbitan PELITA BRUNEI adalah merupakan satu daripada usaha-usaha perkhidmatan kerajaan

dalam memberi penerangan kepada orang ramai. Baginda juga berharap PELITA BRUNEI akan berkekalan maju, serta menjadi suatu kegunaan yang amat besar dan dihargai oleh pembaca di negara ini.

Penerbitan PELITA BRUNEI pada awalnya hanya dibuat secara stensil tanpa gambar dan teknik per suratkhabaran. Ia juga diberikan dua kali sebulan, iaitu hari Rabu minggu pertama dan minggu ketiga. Kemudian, penerbitan PELITA BRUNEI diperlakukan menjadi akhbar rasmi minggu yang terbit tiap-tiap hari Rabu yang sekarang ini berjumlah empat puluh lima ribu naskah setiap kali keluarannya.

Pedoman

"DAN hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan, janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah maha berat azab seksanya bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya"

- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Maa-idah, ayat 2)

Pembarigaan mengenai ASEAN dikongsikan

Oleh : Khartini Hamir, Nurafilabibah Mohd. Shafiee
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



LEBIH daripada 150 orang penuntut dari Tahun 7, Tahun 8 dan Tahun 9 menghadiri Jerayawara Kenali ASEAN yang diadakan di Dewan Sekolah Menengah Lambak Kiri.

BERAKAS, Selasa, 7 Februari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN - COCI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN yang diadakan di Dewan Sekolah Menengah Lambak Kiri.

Jerayawara tersebut dihadiri oleh Pengetua Sekolah Menengah Lambak Kiri, Dayang Hajah Sharifah binti Haji Matsawali dan dari kalangan guru-guru serta lebih daripada 150 orang penuntut dari Tahun 7, Tahun 8 dan Tahun 9 sekolah berkenaan.

Ia dihasrat untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah mengenai ASEAN selain untuk mengenal pasti sejauh mana para penuntut mengetahui tentang ASEAN serta peranan organisasi ini dalam membangun negara-negara anggotanya.

Selain itu, ia bertujuan untuk membarigakan serta membuat pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah di negara ini kerana mereka adalah golongan penting dalam memangkin hala tuju negara ini.

Taklimat ini juga dapat menanamkan kesedaran dan rasa milik dalam kalangan para penuntut sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh pegawai dari Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan.

Pada sesi jerayawara itu juga diadakan Kuiz ASEAN, yang mana 10 orang penuntut yang berjaya menjawab soalan kuiz tersebut menerima hadiah masing-masing yang disampaikan oleh Pengetua sekolah berkenaan.

Program adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut-penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi serta tujuan ASEAN ditubuhkan dan dalam masa yang sama juga dalam mengukuhkan hubungan di antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya penuntut-penuntut di Negara Brunei Darussalam.



PENGETUA Sekolah Menengah Lambak Kiri, Dayang Hajah Sharifah binti Haji Matsawali semasa menyampaikan hadiah kepada salah seorang penuntut yang berjaya menjawab Kuiz ASEAN.

Barigakan bendera negara

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Februari. - Penuntut-penuntut diseru supaya mengambil berat mengenai aspek ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’, di samping mendalami bagaimana cara untuk menaikkan bendera di sekolah, institusi pendidikan dan di rumah-rumah.

Bukan setakat itu sahaja, mereka juga perlu menitik beratkannya dalam sekolah masing-masing dan menyampaikannya kepada guru-guru dan mengongsikannya kepada para penuntut yang lainnya.

Pegawai Penerangan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli / Haji Ramli membuat seruan itu semasa ditemui Pelita Brunei pada Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’ di Dewan Sekolah Menengah Jamalul Alam.



PEGAWAI Penerangan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli / Haji Ramli membuat seruan supaya para penuntut mengambil berat mengenai aspek ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’.

Beliau juga mengingatkan untuk membarigakan bendera negara, yang mana bendera besar akan mula dinaikkan dan dikibarkan pada 16 Februari.

Terdahulu, taklimat disampaikan oleh Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli / Haji Ramli yang antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’.



ANTARA penuntut Sekolah Menengah Jamalul Alam yang mendengar taklimat kenegaraan.

Selain taklimat, para penuntut juga menyaksikan klip video ‘Kibarkanlah dengan Megah Bendera Negara’ dan video animasi ‘Tatacara Mengibarkan Bendera’ seterusnya berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan.

Taklimat anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Unit Kenegaraan diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz kenegaraan dan penyampaian cenderamata pada pihak sekolah.

Juga hadir ialah Pengetua Sekolah Menengah Jamalul Alam, Awang Haji Jumaata Sonadey bin Haji Mornie, timbalan-timbalan pengetua, guru-guru serta 193 penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan.



SEMASA sesi kuiz diadakan.

Semai semangat patriotisme penuntut

Berita dan Foto: Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Isnin, 13 Februari. - Seramai 64 penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Chung Hwa, Kuala Belait berpeluang untuk mendengarkan taklimat seterusnya menyaksikan tayangan video klip ‘Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara’ dan menyertai Kuiz Kenegaraan yang diungkayahkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’ disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Hisyam bin Idris yang antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’ dengan terperinci.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz kenegaraan dan penyampaian cenderamata kepada Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait.



PEGAWAI Penerangan juga selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Hisyam bin Idris menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan sejarah bendera negara dan lagu kebangsaan.



ANTARA penuntut Sekolah Menengah Chung Hwa, Kuala Belait yang hadir mengikuti taklimat.

Sementara itu pada hari Isnin, 27 Februari, taklimat yang sama diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Saint James Kuala Belait yang dihadiri lebih 30 pelajar Tahun 7 dan guru-guru sekolah berkenaan.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris, selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait.



PEGAWAI Penerangan, selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Hisyam bin Idris menyampaikan taklimat.



PEGAWAI dari Jabatan Penerangan mengajukan soalan mengenai Taklimat Kenegaraan kepada salah sorang peserta kuiz.



TAKLIMAT Kenegaraan yang diadakan di Sekolah Saint James.

Taklimat kenegaraan semai semangat patriotisme

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TAKLIMAT Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’ seterusnya dilaratkan lagi di Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SM ARIPAD) pada hari Rabu, 15 Februari.

Seramai 267 penuntut Tahun 7 mendengarkan taklimat tersebut yang berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Rainie bin Haji Durani.

Dalam taklimat tersebut, Awang Mohammad Rainie antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu

Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’ dengan terperinci.

Pada taklimat itu, para penuntut juga menyaksikan klip video ‘Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara’ dan video animasi ‘Tatacara Pengibaran Bendera Negara’.

Para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada 10 penuntut yang berjaya menjawab Kuiz.



TAKLIMAT Kenegaraan Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan bagi Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (Lelaki) disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Mohammad Rainie bin Haji Durani.



KUIZ Kenegaraan berdasarkan Taklimat Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan disertai oleh penuntut-penuntut sekolah tersebut.



TAKLIMAT Kenegaraan ‘Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam’ yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan di Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (Lelaki).

Semai semangat patriotisme penuntut

oleh : Rohani Hj Abd Hamid / Fotos : Azmah Hj Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Februari. - Penuntut-penuntut diseru supaya mengambil berat mengenai aspek menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara, di samping mendalami bagaimana cara untuk menaikkan bendera di sekolah, institusi pendidikan dan di rumah-rumah.

Bukan setakat itu sahaja, mereka juga perlu menitik beratkannya dalam sekolah masing-masing dan menyampaikannya kepada guru-guru dan mengongsikannya kepada para penuntut yang lain.

Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail membuat seruan itu semasa ditemui Pelita Brunei pada Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’ di Dewan Sekolah Menengah Menglait.

Terdahulu dalam taklimatnya, beliau antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’.

Selain taklimat, para penuntut juga menyaksikan klip video ‘Kibarkanlah dengan Megah Bendera Negara’ dan video animasi ‘Tatacara Mengibarkan Bendera’ dan seterusnya berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan.



TAKLIMAT disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail.

Juga hadir pada siri taklimat tersebut ialah Pengetua Sekolah Menengah Menglait, Awang Mohidin bin Haji Noordin, timbalan-timbalan pengetua, guru-guru serta 158 penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan.



TAKLIMAT Kenegaraan Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara dihadiri penuntut-penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Menglait.

Penerima Pingat Indah Kerja Baik



Dayang Ramlah binti Md. Nor
Penyemak
Unit Penerbitan Melayu

Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat / kursus/ bengkel pada bulan ini

NAMA	JAWATAN	NAMA KURSUS/BENGKEL / SEMINAR/TAKLIMAT	TARIKH
Dayang Siti Nurul Nadhiran Binti Ismail	Penolong Kerani Sulit	Kursus Perkeranian	06 - 11 Februari 2017
Dayang Fa'ezah Hayati Binti Haji Abdul Rahman	Kerani	Kursus Perkeranian	06 - 11 Februari 2017
Awang Haji Narip Bin Haji Bostan	Kerani	Kursus Perkeranian	06 - 11 Februari 2017

Dayang Hajah Noorhijrah Binti Haji Idris	Penolong Pegawai Penerangan	Taklimat Mengawal Selia Media (Mro) Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2017	22 Februari 2017
Awang Mohd Nurakram Bin Noraini@Bahrin	Penolong Pegawai Penerangan	Taklimat Mengawal Selia Media (Mro) Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2017	22 Februari 2017
Awang Isa Bin Haji Abdul Rahman	Pegawai Luar Penerangan	Taklimat Mengawal Selia Media (Mro) Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2017	22 Februari 2017
Dayang Dona Azfina Binti Ibrahim	Pegawai Luar Penerangan	Taklimat Mengawal Selia Media (Mro) Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2017	22 Februari 2017
Awang Mohammad Khaiddir Shah Bin Haji Abdul Halim	Pegawai Luar Penerangan	Taklimat Mengawal Selia Media (Mro) Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2017	22 Februari 2017
Awang Mohd. Suhud Bin Haji Bungsu	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	Taklimat Mengawal Selia Media (Mro) Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2017	22 Februari 2017
Awang Aliasan Bin Haji Kalong	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	Taklimat Mengawal Selia Media (Mro) Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2017	22 Februari 2017
Awang Haji Mahmud Hafidzie Bin Haji Awang Ali Mashod	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	Taklimat Mengawal Selia Media (Mro) Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2017	22 Februari 2017
Dayang Faridah Binti Haji Kaderi	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	Taklimat Mengawal Selia Media (Mro) Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2017	22 Februari 2017
Dayangku Effa Ryina Binti Pengiran Haji Hamdani	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	Taklimat Mengawal Selia Media (Mro) Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2017	22 Februari 2017
Dayang Siti Norasilah Binti Awang Asli	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	Taklimat Mengawal Selia Media (Mro) Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2017	22 Februari 2017
Awang Mohammad Arif Bin Metali	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	Taklimat Mengawal Selia Media (Mro) Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2017	22 Februari 2017
Awang Rahmat Shukurillah Bin Harith	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	Taklimat Mengawal Selia Media (Mro) Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2017	22 Februari 2017
Awang Muhammad Hidayatullah Bin Zahari	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	Taklimat Mengawal Selia Media (Mro) Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2017	22 Februari 2017
Awang Nordy Bin Tabong	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	Taklimat Mengawal Selia Media (Mro) Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2017	22 Februari 2017
Awang Haji Sufri Bn Haji Jamil	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	Taklimat Mengawal Selia Media (Mro) Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2017	22 Februari 2017
Awang Mohammad Nor Amirudin Bin Haji Brahim	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	Taklimat Mengawal Selia Media (Mro) Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2017	22 Februari 2017
Awang Haji Abdul Azim@Haji Mu'az Bin Haji Tujoh	Pembantu Pegawai Luar Penerangan	Taklimat Mengawal Selia Media (Mro) Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2017	22 Februari 2017
Awang Mohammad Hisyam Bin Idris	Pegawai Penerangan	Program Pemilihan Pegawai Bagi Memasuki Leadership Pool Es2.1	31 Jan - 02 Feb 2017
Awang Abdul Karim Bin Hamdan	Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II	Program Pemilihan Pegawai Bagi Memasuki Leadership Pool Es2.1	11 - 14 Februari 2017
Awang Mohamad Azmi Bin Awang Damit	Pegawai Foto	Program Pemilihan Pegawai Bagi Memasuki Leadership Pool Es2.1	16 - 20 Februari 2017

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>
<http://www.information.gov.bn>
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Faks : 2382242**